# *JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA*

**LAPORAN LIPUTAN MEDIA**

| JUMAAT, 22 JULAI 2022 | |
|---|---|
| **1.** | **Agih 5,000 pek daging korban sejuk beku** |
| | |

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**
**JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 22.07.2022 | HARIAN METRO | LOKAL | 10 |

KEMBARA KORBAN 1001 ASNAF MEDIA PRIMA-YBIM

# Agih 5,000 pek daging korban sejuk beku

Oleh Yusmizal Dolah Aling
yusmizal@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Lebih 28,000 individu dan keluarga asnaf dikenal pasti sebagai penerima 5,000 pek daging korban sejuk beku melalui kerjasama Media Prima Berhad (Media Prima) dengan Yayasan Budi Ihsan Malaysia (YBIM).

Semua daging korban itu akan diagihkan kepada golongan asnaf di seluruh negara melalui siri jelajah bermula di ibu negara sebelum peserta program bergerak ke tiga negeri di pantai timur sebelum menuju ke utara serta selatan tanah air bermula semalam hingga 28 Julai hadapan.

Program pelepasan konvoi Kembara Korban 1001 Asnaf itu berlangsung di Balai Berita The New Straits Times Press (M) Berhad di sini, pagi semalam dengan disempurnakan Pengerusi Kumpulan Media Prima, Datuk Seri Dr Syed Hussian Aljunid serta Pengasas dan Pengerusi YBIM, Datuk Seri Rosli Atan.

Turut hadir, Pengarah Eksekutif Kumpulan Media Prima, Rafiq Razali; Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Omnia, Datuk Michael Chan serta Ketua Pegawai Eksekutif Rangkaian Televisyen Media Prima dan Primeworks Studios, Datuk Khairul Anwar Salleh.


DR Syed Hussian (empat dari kanan) dan Rosli menyempurnakan pelepasan konvoi Kembara Korban 1001 Asnaf di Balai Berita The New Straits Times Press (M) Berhad, semalam.

Ketua Pegawai Eksekutif Media Prima Audio, Nazri Noran; Ketua Pegawai Operasi (Jualan) Media Prima Omnia, Mohd Efendi Omar serta Pengarang Kumpulan BH, Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman juga hadir.

Rosli berkata, tiga lokasi pertama konvoi itu adalah di Projek Perumahan Rakyat (PPR) Seri Alam, Jalan Lapangan Terbang Lama Sungai Besi, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) Jalan Semarak dan Pusat Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi di sini.

Rosli berkata, melalui kempen ini, YBIM menyumbangkan daging lembu korban sejuk beku bernilai RM300,000 untuk diagihkan kepada golongan memerlukan di beberapa lokasi.

"Tahun ini adalah tahun kedua YBIM menganjurkan konvoi pengagihan daging korban sejuk beku ke seluruh negara dengan kerjasama pelbagai pihak. Pada tahun lalu, kami mengagihkan sebanyak 63,000 pek daging korban sejuk beku kepada penerima yang layak di seluruh negara melalui acara konvoi seperti ini.

"Kami juga diberikan pengiktirafan oleh *Malaysia Book of Records* (MBOR) atas pencapaian pengagihan daging korban terbesar dalam satu acara," katanya ditemui pada pelancaran konvoi berkenaan, semalam.

Menurutnya, selain ke seluruh negeri, konvoi berkenaan juga akan singgah ke kawasan bencana banjir di Baling untuk mengagihkan daging kepada mangsa yang terjejas, baru-baru ini.

"Kami masih menunggu maklum balas dari sana. Tetapi kita ada bekalan yang cukup iaitu 28,000 pek dan pusat agihan ada tiga tempat iaitu Kota Tinggi, Johor, Telok Panglima Garang, Selangor serta Kulim, Kedah," katanya.

Sementara itu, Dr Syed Hussian berkata, pihaknya berterima kasih kepada YBIM kerana kerjasama berkenaan yang akan memberi manfaat kepada penerima.

"(Hari ini) saya difahamkan 5,000 penerima akan mendapat manfaat menerusi agihan sebanyak 5,000 pek daging korban ini. Kita juga sudah bincang selepas ini kita akan adakan dua atau tiga lagi projek yang sama.

"Melalui projek hari ini, YBIM menawarkan 50 ekor daging korban bernilai RM300,000 sebagai tanda kerjasama dengan Media Prima. Jika dikira dari segi berat, ia lebih kurang 5,000 kilogram daging akan diagihkan dalam bentuk satu kilogram daging kepada asnaf di seluruh negara," katanya.

Beliau berkata, kerjasama itu secara tidak langsung akan mengukuhkan lagi jenama serta reputasi permiagaan YBIM khususnya berkaitan pengendalian segmen ibadah korban.